



DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA: RE26-04-011-SH
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN LAMAN WEB DAN HOSTING
MALAYSIA SCIENCE ENDOWMENT (MSE)

SENARAI LAMPIRAN:

Lampiran 1	: LAMPIRAN Q
Lampiran 2	: SPESIFIKASI PERKHIDMATAN DAN TAWARAN HARGA
Lampiran 3	: JADUAL SPESIFIKASI DAN PEMATUHAN TEKNIKAL
Lampiran 4	SYARAT-SYARAT AM
Lampiran 5	: ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
Lampiran 6	: RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)
Lampiran 7	: BORANG SEBUT HARGA
Lampiran 8	: SURAT AKUAN PEMBIDA
Lampiran 9	: SURAT PERWAKILAN KUASA
Lampiran 10	: BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL
Lampiran 11	: SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA
Lampiran 12	: MAKLUMAT SYARIKAT
Lampiran 13	: SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK CADANGAN TEKNIKAL
Lampiran 14	: SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK CADANGAN KEWANGAN
Lampiran 15	: PEROLEHAN YANG TELAH DISEMPURNAKAN
Lampiran 16	: PEROLEHAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab sila nyatakan nombor ini:

RE26-04-011-SH

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN LAMAN WEB DAN HOSTING
MALAYSIA SCIENCE ENDOWMENT (MSE)**

Kepada: (Penyebut harga hendaklah melengkapkan nama syarikat di ruangan ini)	Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh: Akademi Sains Malaysia Tingkat 20, Sayap Barat Menara MATRADE Jalan Sultan Haji Ahmad Shah Off Jalan Tuanku Abdul Halim 50480 Kuala Lumpur	
No. Telefon:		
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:		
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan perolehan ini: 210103 & 210104	No. Telefon: Tarikh:	03-6203 0633 27 Julai 2026 (Isnin)

Sebut harga hendaklah mengikut syarat-syarat di bawah:

- Dokumen sebut harga yang lengkap perlu dihantar dalam format PDF;
- Dokumen sebut harga hendaklah **diemel ke sebutharga@akademisains.gov.my** tidak lewat pada jam **12.00 TENGAHARI** pada **4 Ogos 2026 (Selasa)**;
- Perkara/ *subject* pada emel perlu menyatakan nombor sebut harga '**Sebut Harga No.: RE26-04-011-SH**'.
- Emel salinan/ *cc* **TIDAK DIBENARKAN** bagi penghantaran dokumen sebut harga.
- Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup**.

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Tarikh :


SEETHA RAMASAMY
Ketua Pegawai Operasi
Akademi Sains Malaysia

31 Julai 2026

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN DAN TAWARAN HARGA

PERIHAL KERJA YANG DIPERLUKAN

Akademi Sains Malaysia (ASM) akan melancarkan satu inisiatif baharu iaitu **Malaysia Science Endowment (MSE)** bagi pihak Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sehubungan itu, ASM bercadang melaksanakan pembangunan sebuah laman sesawang baharu yang akan berfungsi sebagai platform rasmi bagi penyampaian maklumat, penyediaan perkhidmatan digital serta medium interaksi dengan pelbagai pihak berkepentingan, khususnya pihak industri, sektor korporat dan orang awam. Pembangunan laman sesawang ini akan dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan ia memenuhi keperluan semasa di samping menyokong penambahbaikan, integrasi sistem serta perkembangan fungsi pada masa hadapan.

Bagi memastikan pembangunan laman sesawang MSE dilaksanakan secara menyeluruh, sistematik dan memenuhi keperluan operasi semasa serta masa hadapan, penyebut harga yang dilantik hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk merancang, mereka bentuk, membangun, menguji, melaksanakan, menyelaraskan, menyediakan dokumentasi, memberi latihan kepada pengguna serta melaksanakan penambahbaikan yang diperlukan sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Penyebut harga juga hendaklah menghadiri dan mengendalikan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk Unit Komunikasi ASM, Urus Setia Jawatankuasa Pemandu ICT ASM, Pengurusan Tertinggi ASM, agensi penjenamaan (*Branding Agency*) dan mana-mana vendor sistem yang dilantik oleh ASM bagi tujuan integrasi sistem.

Pelaksanaan projek akan dilaksanakan mengikut **tiga (3) fasa** seperti berikut:

1. **Fasa 1: Peluncuran MSE** – melibatkan perancangan, analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan laman sesawang, migrasi kandungan, pengujian dan penyerahan sistem.
2. **Fasa 2: Branding dan Penambahbaikan** – melibatkan penambahbaikan berdasarkan identiti penjenamaan MSE, pembangunan fungsi lanjutan termasuk AI Chatbot, pengurusan pengguna, penambahbaikan pengalaman pengguna (UI/UX), pengujian dan latihan pengguna.
3. **Fasa 3: Integrasi Sistem** – melibatkan integrasi laman sesawang dengan Sistem Pengurusan Geran MSE, pembangunan modul paparan dashboard dan statistik, pengujian integrasi serta penyerahan dokumentasi dan latihan pengguna.

UNTUK DIISI OLEH JABATAN	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)	
		UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA		
Penyebut harga hendaklah memastikan setiap fasa disiapkan mengikut skop kerja, tempoh pelaksanaan, hasil serahan (<i>deliverables</i>) dan standard kualiti yang ditetapkan oleh ASM serta memastikan kesinambungan pembangunan di antara setiap fasa sehingga projek diterima sepenuhnya oleh ASM.				
1. Spesifikasi Hosting dan Domain Laman Web adalah WAJIB. Butiran seperti berikut:		Pukal		
Tempoh	5 tahun			
Jenis Hosting	Cloud / VPS / Managed Hosting			
Spesifikasi Hosting	SSD Storage ≥ 50GB, Bandwidth Unmetered, Uptime ≥ 99.9%, unlimited database			
Keselamatan	SSL Certificate (auto-renew setiap 6 bulan), Web Application Firewall (WAF), Perlindungan DDoS, CAPTCHA untuk semua borang, Security hardening (WordPress + server level), Backup & Recovery (Auto backup weekly)			
Domain	Sekurang-kurangnya 1 domain utama dan tambahan subdomain tidak terhad			
Lokasi server	Malaysia			
Dokumentasi Teknikal	Vendor hendaklah menyerahkan maklumat akses (credentials) hosting, konfigurasi pelayan, rajah seni bina (Server Architecture Diagram), Prosedur Operasi Standard (SOP) Backup & Recovery, dokumentasi teknikal, serta maklumat sokongan teknikal. Semua akaun, akses pentadbir dan konfigurasi hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada ASM pada akhir projek.			

UNTUK DIISI OLEH JABATAN	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)								
		UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA									
2. Spesifikasi penyelenggaraan Laman Web adalah WAJIB. Butiran penyelenggaraan laman web hendaklah merangkumi: - Kemas kini sistem CMS, plugin & sekuriti - Pemantauan uptime dan prestasi laman - Backup laman web secara berkala (mingguan/minimum bulanan) - Sokongan teknikal (bug fix, isu paparan, pautan rosak) - Pindaan kecil pada kandungan (teks, imej, dokumen) - Laporan bulanan status laman web dan aktiviti penyelenggaraan - SSL Certificate – SSL Certificate yang sah dengan pembaharuan automatik (<i>auto-renew</i>) setiap enam (6) bulan. Nota: Penyelenggaraan bermula selepas selesai FASA 1	Tahun 1										
	Tahun 2										
	Tahun 3										
	Tahun 4										
	Tahun 5										
3. Spesifikasi Pembangunan Laman Web (FASA 1) adalah WAJIB. Butiran seperti berikut: <table><tr><td>Ciri website</td><td>Content Management System (CMS) – Wordpress (<i>latest stable version</i>), <i>custom theme (based on branding)</i>, <i>Modular plugin architecthure</i></td></tr><tr><td>Fungsi Utama</td><td>Interaktif (slider/banner/video), sistem carian, borang atas talian, integrasi media sosial, paparan dashboard (integrasi dengan sistem pengurusan geran)</td></tr><tr><td>Bahasa</td><td>Dwibahasa (BM & BI)</td></tr><tr><td>Caching & SEO</td><td>SEO Asas dan caching untuk kelajuan pemuatan</td></tr></table>	Ciri website	Content Management System (CMS) – Wordpress (<i>latest stable version</i>), <i>custom theme (based on branding)</i> , <i>Modular plugin architecthure</i>	Fungsi Utama	Interaktif (slider/banner/video), sistem carian, borang atas talian, integrasi media sosial, paparan dashboard (integrasi dengan sistem pengurusan geran)	Bahasa	Dwibahasa (BM & BI)	Caching & SEO	SEO Asas dan caching untuk kelajuan pemuatan	Pukal		
	Ciri website	Content Management System (CMS) – Wordpress (<i>latest stable version</i>), <i>custom theme (based on branding)</i> , <i>Modular plugin architecthure</i>									
	Fungsi Utama	Interaktif (slider/banner/video), sistem carian, borang atas talian, integrasi media sosial, paparan dashboard (integrasi dengan sistem pengurusan geran)									
	Bahasa	Dwibahasa (BM & BI)									
	Caching & SEO	SEO Asas dan caching untuk kelajuan pemuatan									

UNTUK DIISI OLEH JABATAN			KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
				UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA	
	Rekabentuk Responsif	Sokongan penuh untuk desktop, tablet & telefon pintar <i>Cross-browser compatibility</i>			
	Integrasi API	Endpoint untuk: - Paparan hasil projek geran yang telah lulus - Status / progress dashboard (<i>public view</i>)			
	Laporan	Statistik pelawat, laporan keselamatan, & laporan asas lain yang diperlukan.			
	Akses & Dokumentasi	Full admin access Role-based access control Penyerahan: - Source code penuh - Database - Dokumentasi system - User manual			
4. Spesifikasi Pembangunan AI Chatbot (FASA 2) adalah <i>OPTIONAL</i> . Pembangunan AI Chatbot dilaksanakan selepas laman sesawang dilancarkan dan apabila bajet tersedia. Butiran seperti berikut:			Pilihan		
Ciri AI Chatbot	AI Chatbot berasaskan Large Language Model (LLM) yang diintegrasikan dengan Portal MSE				
Fungsi Utama	Menjawab soalan lazim (FAQ), membantu carian maklumat, panduan navigasi portal, cadangan pautan dan dokumen berkaitan				
Bahasa	Dwibahasa (BM & BI)				

UNTUK DIISI OLEH JABATAN		KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
			UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA	
Sumber Data	Integrasi dengan kandungan laman web, dokumen rujukan dan pangkalan pengetahuan (knowledge base) MSE			
Rekabentuk Responsif	Sokongan penuh untuk desktop, tablet & telefon pintar <i>Cross-browser compatibility</i>			
Integrasi API	Integrasi dengan Portal MSE dan sistem berkaitan melalui API yang disediakan			
Analitik dan Laporan	Statistik penggunaan, rekod pertanyaan, analisis soalan lazim dan prestasi chatbot			
Penyelenggaraan (5 tahun)	Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan merangkumi: - Kemas kini model dan knowledge base - Pemantauan prestasi chatbot - Sokongan teknikal dan pembedulan isu - Laporan penggunaan dan prestasi secara berkala			
Akses & Dokumentasi	Menyediakan akses pentadbir penuh (<i>Full Administrator Access</i>), kawalan akses mengikut peranan (<i>Role-Based Access Control</i>), serta dokumentasi teknikal dan manual pengguna. Vendor hendaklah menyerahkan kod sumber (Source Code) penuh, pangkalan data (Database), dokumentasi sistem, dokumentasi integrasi, manual pentadbir dan manual pengguna, akses pentadbir penuh bagi pengurusan chatbot dan Knowledge Base, serta semua konfigurasi, API, lesen dan aset digital yang dibangunkan.			
Nota: Cadangan Fasa Pelaksanaan Laman Sesawang MSE adalah seperti Lampiran A.				

UNTUK DIISI OLEH JABATAN	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
		UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA	
5. Serahan Akhir Projek Setelah semua fasa pembangunan disiapkan dan diluluskan oleh ASM, vendor hendaklah menyerahkan perkara-perkara berikut: - Kod sumber (source code) dan fail sumber penuh. - Dokumentasi teknikal, konfigurasi sistem dan seni bina penyelesaian. - Manual Pentadbir dan Manual Pengguna. - Semua akaun, akses pentadbir, kata laluan, lesen, API key dan konfigurasi yang berkaitan. - Pangkalan data, fail media dan aset digital yang dibangunkan. - Dokumentasi integrasi sistem dan API (jika berkenaan). - Laporan pengujian termasuk User Acceptance Test (UAT) yang telah diluluskan. - Sesi latihan dan pemindahan pengetahuan (knowledge transfer) kepada pegawai ASM. - Sijil atau dokumen pengesahan bahawa semua komponen sistem berfungsi dengan baik dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Nota: Semua kod sumber, dokumentasi, konfigurasi, pangkalan data, reka bentuk, aset digital, hak milik intelek dan hasil pembangunan di bawah projek ini hendaklah menjadi hak milik penuh Akademi Sains Malaysia (ASM) selepas penyerahan akhir projek dan tidak boleh digunakan, diterbitkan atau dikongsi dengan mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada ASM.	Pukal		
Jumlah Tawaran Harga (tidak termasuk SST)			
SST 8%			
Jumlah Keseluruhan (termasuk 8% SST)			

PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami dengan ini, mengesahkan sebut harga bagi perolehan perkhidmatan Pembangunan Laman Web dan Hosting Malaysia Science Endowment (MSE) adalah benar.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat Syarikat:
No. Kad Pengenalan:	Tarikh:

Cadangan Fasa Pelaksanaan

FASA 1: PELUNCURAN MSE (2-6 bulan)	
Perancangan & Analisis	- Kajian keperluan pengguna - Analisis kandungan sedia ada - Benchmark laman web agensi lain
Sesi Libat Urus	Bengkel pembangunan kandungan bersama: - Unit komunikasi ASM - Urusetia Jawatankuasa Pemandu ICT ASM
Rangka Kerja Sistem	- <i>Sitemap</i> (struktur laman) - <i>User journey & navigation flow</i> - <i>Functional specification</i>
Pembangunan Laman Web	- Rekaan UI/UX (<i>wireframe</i> → <i>mockup</i> → <i>final</i>) - Beberapa cadangan halaman <i>utama (main page)</i> - <i>Development WordPress</i> - <i>Content migration</i>
Pengujian	- Pengujian fungsi - <i>User Acceptance Test (UAT)</i>
Serahan	Fail sumber penuh, dokumentasi sistem, akses pentadbir utama

FASA 2: BRANDING & PENAMBAHBAIKAN (4-6 bulan)	
Skop	- Penambahbaikan berdasarkan <i>branding exercise</i> - Refinement UI/UX (corporate identity MSE) - Tambahan fungsi lanjutan berdasarkan hasil aktiviti penjenamaan MSE - Aksesibiliti pengguna laman web
Sesi Libat Urus	Bengkel pembangunan kandungan bersama: - <i>Branding agency</i> - <i>Pengurusan Tertinggi ASM</i> - Unit komunikasi ASM - Urusetia Jawatankuasa Pemandu ICT ASM
AI Chatbot	<i>Custom AI-Chatbot integration for WordPress</i> - <i>Hybrid AI Chatbot</i> - <i>Rule-based/knowledge-based</i> (FAQ tetap) - <i>AI-powered (Natural Language Processing – NLP)</i> Objektif - Menjawab FAQ berkaitan MSE, Permohonan geran, Status projek & pembiayaan & dan lain-lain. - Mengurangkan beban pertanyaan manual (email / telefon) - Memberi respons 24/7 secara automatic - Sokongan dwibahasa (BM & BI) Sumber data - Laman web (<i>auto crawl</i>) - <i>PDF guideline</i>

FASA 2: BRANDING & PENAMBAHBAIKAN (4-6 bulan)	
	- <i>API data (grant system)</i> Keselamatan & Laporan - <i>Data encryption</i> - Tiada penyimpanan data sensitif tanpa kebenaran - Jumlah pertanyaan, top FAQ, kepuasan pelanggan
Pengurusan pengguna	- Struktur peranan (<i>Role based</i>) - Pengurusan akses mengikut peranan - Workflow (Draft -> Review -> Approve -> Publish) - Modul pengguna (tambah, edit, padam) - <i>Audit logs</i> - <i>Single Sign-On</i> - Keselamatan akaun
Pembangunan Laman Web	- Enhanced UI/UX based on branding (<i>wireframe → mockup → final</i>) - Keseluruhan halaman yang diperlukan (<i>based on branding</i>) - <i>Development WordPress</i> - <i>Content migration</i>
Pengujian	- Pengujian fungsi - <i>User Acceptance Test (UAT)</i>
Serahan	Fail sumber penuh, manual pengguna mengikut peranan, Sesi Latihan pengguna sistem

FASA 3: INTEGRASI SISTEM (3-4 bulan)	
Skop	- Integrasi dengan Sistem Pengurusan Geran MSE yang dibangunkan oleh Vendor Sistem yang dilantik oleh ASM. - Paparan dashboard/modul: - Status projek - Progress geran - Statistik * (Nota: boleh berjalan seiring dengan Fasa 2 jika API siap awal)
Integrasi	Teknologi - <i>REST API integration</i> - <i>Secure token authentication</i> - Data caching untuk prestasi Objektif - Mengemaskini data statistik secara automatic - Kawalan data (tidak sulit/terhad)
Pengujian	- Pengujian fungsi - <i>User Acceptance Test (UAT)</i>
Serahan	Fail sumber penuh, manual pengguna mengikut peranan, Sesi Latihan pengguna sistem

JADUAL SPESIFIKASI DAH PEMATUHAN TEKNIKAL

NO	REQUIREMENTS	COMPLIANCE	
		(YES/ NO)	BIDDER COMMENT (THE COMPLIANCE MATRIX MUST CROSS-REFERENCE WITH THE BIDDER'S PROPOSAL, FAILURE WHICH THE ITEM WILL BE DEEMED AS NON-COMPLIANT)
1. Spesifikasi Pembangunan Laman Web Malaysia Science Endowment (MSE) (FASA 1) adalah WAJIB. Butiran seperti berikut:			
i.	Tahun: 5 tahun		
ii.	Jenis Hosting: Cloud / VPS / Managed Hosting		
iii.	Spesifikasi Hosting: SSD Storage ≥ 50GB, Bandwidth Unmetered, Uptime ≥ 99.9%, unlimited database		
iv.	Keselamatan: SSL Certificate (auto-renew setiap 6 bulan), Web Application Firewall (WAF), Perlindungan DDoS, CAPTCHA untuk semua borang, Security hardening (WordPress + server level), Backup & Recovery (Auto backup weekly)		
v.	Domain: Sekurang-kurangnya 1 domain utama dan tambahan subdomain tidak terhad		
vi.	Lokasi server: Malaysia		
vii.	Dokumentasi Teknikal: Vendor hendaklah menyerahkan maklumat akses (credentials) hosting, konfigurasi pelayan, rajah seni bina (Server Architecture Diagram), Prosuder Operasi Standard (SOP) Backup & Recovery, dokumentasi teknikal, serta maklumat sokongan teknikal. Semua akaun, akses		

NO	REQUIREMENTS	COMPLIANCE	
		(YES/ NO)	BIDDER COMMENT (THE COMPLIANCE MATRIX MUST CROSS-REFERENCE WITH THE BIDDER'S PROPOSAL, FAILURE WHICH THE ITEM WILL BE DEEMED AS NON-COMPLIANT)
	pentadbir dan konfigurasi hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada ASM pada akhir projek.		
2. Spesifikasi Pembangunan Laman Web Malaysia Science Endowment (MSE) (FASA 1) adalah WAJIB. Butiran penyelenggaraan laman web hendaklah merangkumi:			
i.	Tahun: 5 tahun		
ii.	Jenis Hosting: Cloud / VPS / Managed Hosting		
iii.	Spesifikasi Hosting: SSD Storage ≥ 50GB, Bandwidth Unmetered, Uptime ≥ 99.9%, unlimited database		
iv.	Keselamatan: SSL Certificate (auto-renew setiap 6 bulan), Web Application Firewall (WAF), Perlindungan DDoS, CAPTCHA untuk semua borang, Security hardening (WordPress + server level), Backup & Recovery (Auto backup weekly)		
v.	Domain: Sekurang-kurangnya 1 domain utama dan tambahan subdomain tidak terhad		
vi.	Lokasi server: Malaysia		
vii.	Dokumentasi Teknikal: Vendor hendaklah menyerahkan maklumat akses (credentials) hosting, konfigurasi pelayan, rajah seni bina (Server Architecture Diagram), Prosuder Operasi Standard (SOP) Backup & Recovery, dokumentasi teknikal, serta maklumat sokongan teknikal. Semua akaun, akses		

NO	REQUIREMENTS	COMPLIANCE	
		(YES/ NO)	BIDDER COMMENT (THE COMPLIANCE MATRIX MUST CROSS-REFERENCE WITH THE BIDDER'S PROPOSAL, FAILURE WHICH THE ITEM WILL BE DEEMED AS NON-COMPLIANT)
	pentadbir dan konfigurasi hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada ASM pada akhir projek.		
3. Spesifikasi penyelenggaraan Laman Web adalah WAJIB. Butiran seperti berikut:			
i.	Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan laman web merangkumi: - Kemas kini sistem CMS, plugin & sekuriti - Pemantauan uptime dan prestasi laman - Backup laman web secara berkala (mingguan/minimum bulanan) - Sokongan teknikal (bug fix, isu paparan, pautan rosak) - Pindaan kecil pada kandungan (teks, imej, dokumen) - Laporan bulanan status laman web dan aktiviti penyelenggaraan - SSL Certificate – SSL Certificate yang sah dengan pembaharuan automatik (auto-renew) setiap enam (6) bulan. Nota: Penyelenggaraan bermula selepas selesai FASA 1		
4. Spesifikasi Pembangunan Laman Web Malaysia Science Endowment (MSE) adalah seperti berikut:			
i.	Ciri website: Content Management System (CMS) – Wordpress (latest stable version), custom theme (based on branding), Modular plugin architecture		
ii.	Fungsi Utama: Interaktif (slider/banner/video), sistem carian, borang atas talian, integrasi media sosial, AI Chatbot, paparan dashboard (integrasi dengan sistem pengurusan geran)		

NO	REQUIREMENTS	COMPLIANCE	
		(YES/ NO)	BIDDER COMMENT (THE COMPLIANCE MATRIX MUST CROSS-REFERENCE WITH THE BIDDER'S PROPOSAL, FAILURE WHICH THE ITEM WILL BE DEEMED AS NON-COMPLIANT)
iii.	Bahasa Dwibahasa: BM & BI		
iv.	Caching & SEO: SEO Asas dan caching untuk kelajuan pemuatan		
v.	Rekabentuk Responsif: Sokongan penuh untuk desktop, tablet & telefon pintar Cross-browser compatibility		
vi.	Integrasi API: Endpoint untuk: - Paparan hasil projek geran yang telah lulus - Status / progress dashboard (public view)		
vii.	Laporan: Statistik pelawat, laporan keselamatan, & laporan asas lain yang diperlukan.		
viii.	Akses & Dokumentasi : Full admin access, Role-based access control Penyerahan: - Source code penuh - Database - Dokumentasi sistem - User manual		

NO	REQUIREMENTS	COMPLIANCE	
		(YES/ NO)	BIDDER COMMENT (THE COMPLIANCE MATRIX MUST CROSS-REFERENCE WITH THE BIDDER'S PROPOSAL, FAILURE WHICH THE ITEM WILL BE DEEMED AS NON-COMPLIANT)
5. Spesifikasi Pembangunan AI Chatbot (FASA 2) adalah <i>OPTIONAL</i> . Pembangunan AI Chatbot dilaksanakan selepas laman sesawang dilancarkan dan apabila bajet tersedia. Butiran seperti berikut:			
i.	AI Chatbot berasaskan Large Language Model (LLM) yang diintegrasikan dengan Portal MSE		
ii.	Fungsi Utama: Menjawab soalan lazim (FAQ), membantu carian maklumat, panduan navigasi portal, cadangan pautan dan dokumen berkaitan		
iii.	Bahasa: Dwibahasa (BM & BI)		
iv.	Sumber Data: Integrasi dengan kandungan laman web, dokumen rujukan dan pangkalan pengetahuan (knowledge base) MSE		
v.	Rekabentuk Responsif: Sokongan penuh untuk desktop, tablet & telefon pintar Cross-browser compatibility		
vi.	Integrasi API: Integrasi dengan Portal MSE dan sistem berkaitan melalui API yang disediakan		
vii.	Analitik dan Laporan: Statistik penggunaan, rekod pertanyaan, analisis soalan lazim dan prestasi chatbot		
viii.	Penyelenggaraan (5 tahun): Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan merangkumi: - Kemas kini model dan knowledge base - Pemantauan prestasi chatbot - Sokongan teknikal dan pembetulan isu		

NO	REQUIREMENTS	COMPLIANCE	
		(YES/ NO)	BIDDER COMMENT (THE COMPLIANCE MATRIX MUST CROSS-REFERENCE WITH THE BIDDER'S PROPOSAL, FAILURE WHICH THE ITEM WILL BE DEEMED AS NON-COMPLIANT)
	- Laporan penggunaan dan prestasi secara berkala		
ix.	Akses & Dokumentasi: Menyediakan akses pentadbir penuh (<i>Full Administrator Access</i>), kawalan akses mengikut peranan (<i>Role-Based Access Control</i>), serta dokumentasi teknikal dan manual pengguna. Vendor hendaklah menyerahkan kod sumber (<i>Source Code</i>) penuh, pangkalan data (<i>Database</i>), dokumentasi sistem, dokumentasi integrasi, manual pentadbir dan manual pengguna, akses pentadbir penuh bagi pengurusan chatbot dan Knowledge Base, serta semua konfigurasi, API, lesen dan aset digital yang dibangunkan.		
6. Serahan Akhir Projek			
i.	Setelah semua fasa pembangunan disiapkan dan diluluskan oleh ASM, vendor hendaklah menyerahkan perkara-perkara berikut: - Kod sumber (<i>source code</i>) dan fail sumber penuh. - Dokumentasi teknikal, konfigurasi sistem dan seni bina penyelesaian. - Manual Pentadbir dan Manual Pengguna. - Semua akaun, akses pentadbir, kata laluan, lesen, API key dan konfigurasi yang berkaitan. - Pangkalan data, fail media dan aset digital yang dibangunkan. - Dokumentasi integrasi sistem dan API (jika berkenaan). - Laporan pengujian termasuk User Acceptance Test (UAT) yang telah diluluskan.		

NO	REQUIREMENTS	COMPLIANCE	
		(YES/ NO)	BIDDER COMMENT (THE COMPLIANCE MATRIX MUST CROSS-REFERENCE WITH THE BIDDER'S PROPOSAL, FAILURE WHICH THE ITEM WILL BE DEEMED AS NON-COMPLIANT)
	- Sesi latihan dan pemindahan pengetahuan (knowledge transfer) kepada pegawai ASM. - Sijil atau dokumen pengesahan bahawa semua komponen sistem berfungsi dengan baik dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Nota: Semua kod sumber, dokumentasi, konfigurasi, pangkalan data, reka bentuk, aset digital, hak milik intelek dan hasil pembangunan di bawah projek ini hendaklah menjadi hak milik penuh Akademi Sains Malaysia (ASM) selepas penyerahan akhir projek dan tidak boleh digunakan, diterbitkan atau dikongsi dengan mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada ASM.		

**SYARAT-SYARAT AM
MUSTAHAK**

Syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, yang mana yang berkaitan, melainkan syarat-syarat am itu ditolak atau di ubah oleh syarikat.

1. Kelayakan Menyertai Sebut Harga

Sebut Harga adalah dipelawa kepada semua penyebut harga tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah bidang 210103 dan 210104 serta kod bidang tersebut perlu sah laku sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup sebut harga.

Jika tempoh pendaftaran telah tamat atau hampir tamat, Penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada MoF yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan/ pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.

2. Tawaran Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah **harga bersih** dalam **Ringgit Malaysia (RM)** termasuk semua diskaun dan kos tambahan serta cukai SST yang berkaitan. Nilai SST hendaklah dinyatakan secara berasingan dalam Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga.

3. Kepakaran Penyebut Harga

Penyebut harga haruslah mempunyai kepakaran profesional dan kemahiran tinggi dalam bidang pembangunan laman web dan hosting. Penyebut harga perlu melampirkan dokumen-dokumen pengiktirafan kepakaran dalam bidang berkaitan atau yang seumpama.

4. Pematuhan

Penyebut harga perlu mematuhi spesifikasi teknikal, segala arahan dan syarat-syarat di dalam Dokumen Sebut Harga. Kegagalan mengisi maklumat yang diperlukan serta melampirkan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan tawaran harga ditolak dan tidak dipertimbangkan.

5. Ringkasan Sebut Harga

- i) Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi perkhidmatan dengan sempurnanya.
- iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

- iv) Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh penyebut harga hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada ASM tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum SST dikeluarkan.
- v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 5(iv) dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum SST dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

6. Percanggahan dan Kecukupan Dokumen Sebut Harga

- i) Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Pembekal/ Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahannya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- ii) Jika penyebut harga mendapati apa-apa pecanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, penyebut harga hendaklah merujuk kepada ASM untuk mendapatkan keputusan.

7. Pembatalan

ASM berhak melantik dan membatalkan kontrak penyebut harga sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan/ tawaran yang telah dipersetujui.

8. Persetujuan

- i) ASM tidak terikat untuk bersetuju dengan mana-mana sebut harga yang terendah.
- ii) Tiap-tiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.
- iii) ASM berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi atau perkhidmatan yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

9. Pemeriksaan

- i) ASM sentiasa berhak memeriksa hasil kerja syarikat/ bagi memastikan kualiti hasil kerja adalah mematuhi spesifikasi/ keperluan ASM pada bila-bila masa atau pada waktu yang dirasakan bersesuaian.
- ii) Syarikat hendaklah memberikan kemudahan kepada ASM untuk tujuan pemeriksaan apabila dikehendaki.

10. Perakuan spesifikasi telah dipatuhi

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa perkhidmatan yang akan dibekalkan olehnya mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan.

11. Menyerah Hak Perkhidmatan

Keseluruhan dokumen sebut harga yang dipersetujui oleh penyebut harga di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga penyebut harga tidak dibenarkan menyerah hak sepenuhnya, sebahagian mahupun mana-mana bahagian perkhidmatan-perkhidmatan kepada pihak ketiga. Berkaitan dengan yang sama, penyebut harga memberi akuanjinya di sini tidak akan menyerah hak apa-apa faedah di bawah perkhidmatan ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada ASM.

12. Kaedah Pembayaran

Pembayaran akan dibuat selepas penyebut harga melaksanakan setiap perkhidmatan dengan sempurna dan menyerahkan inbois berserta dokumen lengkap bagi tujuan tuntutan bayaran.

13. Penolakan Bahan, Barang dan Mutu Hasil Kerja oleh ASM

- i) Perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam sebut harga boleh ditolak.
- ii) Sekiranya terdapat pembetulan atau keperluan untuk mengubahsuai, penyebut harga hendaklah melakukan pengubahsuaian tersebut.
- iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak ASM untuk mendapatkan ganti rugi kerana melanggar kontrak.

14. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga itu boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau saluran iklan lain tanpa kelulusan Pegawai Pengawal ASM terlebih dahulu.

15. Integrity Pact

Penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan projek. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran 7** dan Surat Perwakilan Kuasa adalah seperti di **Lampiran 8**.

16. Dokumen Perjanjian Kerahsiaan (*Non-Disclosure Agreement*)

Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani dokumen perjanjian kerahsiaan bagi membolehkan ASM menyerahkan manuskrip. Penyebut harga dikehendaki menjaga kerahsiaan maklumat yang terkandung dalam manuskrip.

17. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- i) Sebarang Perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu jenayah di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997;
- ii) Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Pencegahan Rasuah atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997;
- iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997; dan
- iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat dan tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota Perkhidmatan Awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- v) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya kontraktor atau pembekal, kakitangan, pengkhidmat atau pekerja disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712) yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh kontraktor atau pembekal dengan Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada kontraktor atau pembekal untuk menyatakan sedemikian kepada kontraktor atau pembekal.
- vi) Kerajaan berhak menuntut daripada kontraktor atau pembekal apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- vii) Pihak-Pihak bersetuju bahawa kontraktor atau pembekal tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami mengaku telah membaca dan memahami keseluruhan perkara dalam Syarat-syarat Am (Lampiran 3) seperti yang dinyatakan.

Tandatangan: Nama Penandatangan: No. Kad Pengenalan:	Nama Syarikat: Alamat Syarikat: Tarikh:
---	--

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**1. Hak AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM) untuk Menerima / Menolak Sebut Harga**

- 1.1 ASM adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga.
- 1.2 **Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.**
- 1.3 Sila berikan sebut harga dengan perincian untuk perolehan perkhidmatan yang disenaraikan di Lampiran 2.
- 1.4 ASM akan mengemukakan Surat Tawaran (Surat Setuju Terima) kepada syarikat yang berjaya. Surat Setuju Terima perlu ditandatangani dan diserahkan kembali kepada ASM sebagai bukti penerimaan tawaran perkhidmatan.
- 1.5 ASM juga akan mengeluarkan Pesanan Tempatan kepada syarikat yang berjaya mendapat tawaran bagi perolehan ini.

2. Cara-Cara Melengkapkan Dokumen Sebut Harga

- 2.1 Penyebut harga dikehendaki mengemukakan dokumen tawaran sebut harga dalam **format PDF** di dalam dua folder (salinan digital) berasingan. Dua folder tersebut hendaklah dinamakan seperti berikut:

Folder A – Dokumen Cadangan Teknikal

Folder B – Dokumen Cadangan Kewangan

- 2.2 Folder A hendaklah mengandungi satu set dokumen seperti yang ditetapkan di Senarai Semak Dokumen yang diperlukan untuk Cadangan Teknikal (**rujuk senarai semak dokumen pada Lampiran 13**).
- 2.3 Folder B hendaklah mengandungi satu set dokumen seperti yang ditetapkan di Senarai Semak Dokumen yang diperlukan untuk Cadangan Kewangan (**rujuk senarai semak dokumen pada Lampiran 14**).
- 2.4 **Penyediaan Sebut harga**
Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan lengkap dan sepenuhnya:-
 - a) Harga, tempoh perkhidmatan, tandatangan dan cop syarikat dalam Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga – **Lampiran 2**;
 - b) Jadual Spesifikasi dan Pematuhan Teknikal – **Lampiran 3**;
 - c) Syarat-syarat Am – **Lampiran 4**;
 - d) Arahkan kepada Penyebut Harga – **Lampiran 5**;
 - e) Ringkasan Sebut Harga – **Lampiran 6**;
 - f) Borang Sebut Harga – **Lampiran 7**;

- g) Surat Akuan Pembida berserta Surat Perwakilan Syarikat – **Lampiran 8 dan 9;**
- h) Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial – **Lampiran 10;**
- i) Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa – **Lampiran 11;**
- j) Maklumat lengkap syarikat berserta Profil Syarikat – **Lampiran 12;**
- k) Senarai Semak dokumen yang diperlukan untuk Cadangan Teknikal – **Lampiran 13;**
- l) Senarai Semak dokumen yang diperlukan untuk Cadangan Kewangan – **Lampiran 14;**
- m) Pengalaman dalam perkhidmatan/ perolehan yang telah disempurnakan dan yang sedang dilaksanakan yang berkaitan dengan sebut harga ini – **Lampiran 15 dan Lampiran 16;**

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.5 Penyerahan Dokumen Sebut harga

- a) Penyebut harga dikehendaki menghantar fail ZIP Folder A dan Folder B dan diemelkan dalam satu emel ke sebutharga@akademisains.gov.my pada tarikh dan masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- b) Nombor sebut harga **RE26-04-011-SH** perlu diletakkan pada perkara/ *subject* emel.
- c) Penyebut harga hendaklah memastikan kesemua dokumen adalah dalam **format PDF**.
- d) Penghantaran emel salinan/ cc adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi serahan dokumen sebut harga ini.
- e) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan serta tidak mematuhi peraturan penyerahan dokumen sebut harga, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.6 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen tawaran sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, pihak penyebut harga boleh menghubungi Pegawai berkaitan untuk penjelasan lanjut.

3. Tempoh Siap Kerja

ASM memerlukan perolehan ini dilaksanakan dan disempurnakan dalam tempoh yang telah ditetapkan di Lampiran 2.

4. Perbelanjaan Sebut Harga

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

5. Tempoh Sah Sebut Harga

Tawaran sebut harga ini hendaklah sah selama sembilan puluh hari (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harga yang telah ditawarkan sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Sebarang perubahan pada tawaran harga tidak akan mempertimbangkan.

6. Addenda

Addenda boleh diedarkan sebelum tarikh tutup sebut harga bagi menjelaskan Dokumen Sebut Harga atau pembetulan kepada mana-mana pindaan yang perlu dan ia adalah merupakan sebahagian daripada Dokumen Sebut Harga tersebut. Kegagalan melampirkan Dokumen Sebut Harga bersama Addenda boleh menyebabkan sebut harga ditolak.

7. Penjelasan

Jika ada keraguan pada mana-mana bahagian, penyebut harga perlu melaporkan kepada Unit Perolehan ASM bagi mendapatkan penjelasan sebelum menghantar dokumen sebut harga.

PENGESAHAN SYARIKAT

Saya/ Kami mengaku telah membaca dan memahami keseluruhan perkara dalam Arahan kepada Penyebut Harga (Lampiran 4) seperti yang dinyatakan.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat Syarikat:
No. Kad Pengenalan:	Tarikh:

RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)

Sebut harga perolehan bagi perkhidmatan Pembangunan Laman Web dan Hosting Malaysia Science Endowment (MSE)

PERIHAL KERJA YANG DIPERLUKAN	KUANTITI/ KEKERAPAN	KADAR (RM)	HARGA (RM)
Perkhidmatan pembangunan hosting dan domain	Pukal		
Penyelenggaraan laman web selama 5 tahun			
Perkhidmatan pembangunan laman web			
Perkhidmatan penyediaan AI Chatbot	Pilihan		
JUMLAH TAWARAN HARGA			

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Harga tawaran adalah tidak termasuk 8% Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).
- Syarikat mengenakan 8% SST (sila pilih YA/TIDAK)

Saya/ Kami dengan ini, mengesahkan bahawa tawaran harga yang dinyatakan bagi perolehan perkhidmatan Pembangunan Laman Web dan Hosting Malaysia Science Endowment (MSE) adalah benar.

Tandatangan:	Nama Syarikat:
Nama Penandatangan:	Alamat Syarikat:
No. Kad Pengenalan:	Tarikh:

BORANG SEBUT HARGA

No. Sebut Harga RE26-04-011-SH

Akademi Sains Malaysia
Tingkat 20, Sayap Barat, Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Tuan/ Puan,

SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN LAMAN WEB DAN HOSTING MALAYSIA SCIENCE ENDOWMENT (MSE)

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan harga untuk perolehan perkhidmatan Pembangunan Laman Web dan Hosting Malaysia Science Endowment (MSE) dengan harga pukal sejumlah Ringgit Malaysia (ditulis dalam perkataan)

.....(RM).....).

2. Saya bersetuju melaksanakan perkhidmatan Pembangunan Laman Web dan Hosting Malaysia Science Endowment (MSE) seperti yang tertera di Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga.

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Penyebut Harga

Nama:

No. K/P:

Alamat:

Cop
syarikat:

.....
Tandatangan Saksi

Nama:

No. K/P:

Alamat:

SURAT AKUAN PEMBIDA

No. Sebut Harga RE26-04-011-SH

Sebut harga perolehan bagi perkhidmatan perkhidmatan Pembangunan Laman Web dan Hosting Malaysia Science Endowment (MSE).

Saya nombor K.P
yang mewakili (Nama Syarikat) dengan nombor
pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini
mengistiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
 - ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.
2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Akademi Sains Malaysia atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
- 2.1. Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
 - 2.2. Lain-lain Tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa:
- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
 - 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Cop Syarikat :

Tarikh :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

SURAT PERWAKILAN KUASA

(Kepala Surat Syarikat)

Tarikh:

Ketua Pegawai Eksekutif
AKADEMI SAINS MALAYSIA
Tingkat 20, Sayap Barat
Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Puan,

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN LAMAN WEB DAN
HOSTING MALAYSIA SCIENCE ENDOWMENT (MSE)**

Syarikat kami,(Nama Syarikat),
Nombor Pendaftaran Syarikat, dengan ini mewakili
kuasa kepada (Nama Wakil Syarikat),
..... (nombor Kad Pengenalan), untuk menandatangani
segala dokumen-dokumen yang berkaitan dengan sebutharga ini bagi pihak syarikat.

Yang benar,

Tandatangan :
Pengarah Syarikat
Nama Pengarah :
No. Kad Pengenalan :
Cop Syarikat :
Tarikh :

BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL

- ☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM
- ☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak perlu menyerahkan simpan maklumat pemunya Benefisial di SSM (syarikat enterprise) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)
- ☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

Nama Syarikat:

Butiran Pemunya Benefisial:

Nama Individu	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Jawatan dalam Syarikat (sekiranya ada)	Kewarganegaraan

Saya (nama pemilik/ pengarah Syarikat) nombor kad pengenalan/ nombor passport yang mewakili syarikat/perniagaan nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 (Akta 777) dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

No. Sebut Harga RE26-04-011-SH

Saya, (nama wakil syarikat) No. Kad Pengenalan mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan:

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas Syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) dan Akta Kerja 1955 (Akta 265) serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

MAKLUMAT SYARIKAT

Syarikat hendaklah menyertakan profil syarikat bersama lampiran ini.

Bil.	Butiran	Maklumat
1.	Nama Syarikat:	
2.	Alamat:	
3.	No. Telefon:	
4.	No. Faks:	
5.	E-mel:	
6.	Butiran Pendaftaran Syarikat	
	a) Pendaftaran Syarikat:	
	b) Tarikh Ditubuhkan:	
7.	Butiran Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia	
	a) No. Pendaftaran:	
	b) Tarikh Mula:	
	c) Tarikh Tamat:	
	d) Kod dan bidang:	

Bil.	Butiran	Maklumat
8.	Modal Perniagaan	
	a) Dibenarkan:	
	b) Dibayar:	
9.	Komposisi Modal Dibayar	
	a) Bumiputera:	
	b) Bukan bumiputera:	
10.	Senaraikan pegawai/ kakitangan syarikat	
	a) Nama:	
	b) Jawatan:	
	c) Kelulusan:	
11.	Senarai nama syarikat cawangan dan anak syarikat	
12.	Maklumat Bank Syarikat	
	a) Nama:	
	b) No. Akaun:	
13.	Lain-lain maklumat bagi menyokong tawaran ini	

Penyebut Harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK
CADANGAN TEKNIKAL**

Sila tandakan v bagi dokumen-dokumen wajib yang disertakan

BIL	PERKARA / DOKUMEN WAJIB	SEMAKAN SYARIKAT	SEMAKAN JAWATANKUASA
1.	Jadual Spesifikasi dan Pematuhan Teknikal – Lampiran 3		
2.	Maklumat Syarikat berserta Profil Syarikat – Lampiran 12		
3.	Salinan Surat Setuju Terima/ Kontrak/ Pesanan Tempatan bagi perolehan yang telah disempurnakan – Lampiran 13		
4.	Salinan Surat Setuju Terima/ Kontrak/ Pesanan Tempatan bagi perolehan yang sedang dilaksanakan – Lampiran 14		
5.	Senarai kakitangan berserta resume/ portfolio/ sijil kemahiran kakitangan yang mampu melaksanakan perkhidmatan yang diperlukan oleh perolehan ini (jika berkaitan)		

Saya/ Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga ini dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN ASM	
Jawantankuasa Pembuka Sebut Harga/ Penilaian Harga mengesahkan penerimaan dokumen-dokumen wajib yang bertanda di Lampiran 10 bagi penyebut harga bernombor kecuali bagi dokumen bil. berikut (jika tidak dilampirkan).	
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

**SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK
CADANGAN KEWANGAN**

Sila tandakan v bagi dokumen-dokumen wajib yang disertakan

BIL	PERKARA / DOKUMEN WAJIB	SEMAKAN SYARIKAT	SEMAKAN JAWATANKUASA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (MOF)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera dari Kementerian Kewangan (Bekalan/ Perkhidmatan)		
3.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
4.	Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i> , TCC) berstatus PATUH		
5.	Spesifikasi Perkhidmatan dan Tawaran Harga – Lampiran 2		
6.	Syarat-Syarat Am (Lampiran 4) dan Arahan kepada Penyebut Harga (Lampiran 5)		
7.	Ringkasan Sebut Harga (Kuantiti) – Lampiran 6		
8.	Borang Sebut Harga – Lampiran 7		
9.	Surat Akuan Pembida – Lampiran 8		
10.	Surat Perwakilan Kuasa – Lampiran 9		
11.	Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial – Lampiran 10		

BIL	PERKARA / DOKUMEN WAJIB	SEMAKAN SYARIKAT	SEMAKAN JAWATANKUASA
12.	Surat Akuan Syarikat dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa – Lampiran 11		
13.	Salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) bulan (April, Mei & Jun 2026)		
14.	Penyerahan sebut harga berasingan (jika ada tawaran lain daripada penyebut harga)		
15.	Dokumen-dokumen lain yang boleh menyokong tawaran sebut harga ini (jika berkaitan)		

Saya/ Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga ini dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN ASM	
Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/ Penilaian Harga mengesahkan penerimaan dokumen-dokumen wajib yang bertanda di Lampiran 10 bagi penyebut harga bernombor kecuali bagi dokumen bil. berikut (jika tidak dilampirkan).	
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

SENARAI PEROLEHAN YANG TELAH DISEMPURNAKAN

Senaraikan perolehan berkaitan sebut harga ini yang telah disempurnakan berserta salinan Surat Setuju Terima (SST)/ Kontrak dan Salinan Sijil Perakuan Siap Kerja.

Nama Perolehan	Pelanggan (Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat)	Nilai Perolehan (RM)	Tempoh	
			Tarikh Mula	Tarikh Tamat

Penyebut Harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi.

SENARAI PEROLEHAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Senaraikan perolehan berkaitan yang sedang dilaksanakan berserta salinan Surat Setuju Terima (SST)/ Kontrak.

Nama Perolehan	Pelanggan (Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat)	Nilai Perolehan (RM)	Tempoh		Status
			Tarikh Mula	Tarikh Tamat	

Penyebut harga boleh menyertakan lampiran tambahan sekiranya ruang sedia ada tidak mencukupi